

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
PESTA SUKAN PERBENDAHARAAN
KALI KE – 27 TAHUN 2017**

OLEH

**YBHG. TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MERANGKAP YANG
DIPERTUA KELAB PERBENDAHARAAN**

BERTEMPAT DI

**DEWAN UTAMA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PERSINT 2, PUTRAJAYA**

PADA

3 MEI 2016 (RABU)

SOLUTASI

Dato'–Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan / Para Peserta Sukan yang saya hormati sekalian,

Asslamualaikum / Salam Sejahtera dan Salam Negaraku

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kelab Perbendaharaan kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya **menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Sukan Perbendaharaan Kali Ke – 27 Tahun 2017** ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kelab Perbendaharaan sekali lagi kerana berjaya menganjurkan Pesta Sukan Perbendaharaan sebagai acara tahunan. Ini bukanlah merupakan aktiviti sukan yang pertama bagi tahun ini.
3. Seperti yang kita sedia maklum, Piala FAM Musim 2017 telah pun mula mengorakkan langkahnya. Setakat 30 April 2017 lalu, **MOF FC telah mencatatkan kedudukan di tempat kedua (2) bagi Kumpulan A**. Kecemerlangan ini adalah suatu yang dibanggakan kerana hasil daripada kerja berpasukan yang jitu dengan pengurusan yang cekap dan berkesan. Bukan itu sahaja, dengan adanya penubuhan MOF FC ini, sudah cukup **melonjakkan nama Kementerian Kewangan dalam persada kesukanan negara**. Ini merupakan satu perkembangan yang cukup membanggakan. Oleh itu sebagai menunjukkan tanda sokongan yang padu kepada MOF

FC, saya menyeru semua Warga Perbendaharaan untuk datang beramai-ramai menghangatkan Stadium INSPEN pada 7 Mei 2017 di mana MOF FC akan bertembung dengan FELCRA FC jam 8.45 malam!.

4. Tahun 2017 juga akan menyaksikan pelbagai acara sukan yang melibatkan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan. Antaranya ialah:
 - (i) Treasure Hunt – Hos oleh Suruhanjaya Sekuriti
 - (ii) Sambutan Hari Sukan Negara – Hos oleh KWAP
 - (iii) Bintang Kewangan – Hos Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 - (iv) Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) – Hos oleh Bank Simpanan Nasional

Tuan-Tuan / Puan-Puan sekalian,

5. Pesta Sukan seperti ini yang diadakan secara tahunan oleh agensi dan sektor-sektor yang bernaung di bawah Kelab Perbendaharaan, begitu signifikan dengan tujuan untuk **membentuk satu pasukan petugas yang mempunyai daya saing, komited dan berdisiplin yang tinggi.**
6. Ianya juga memberi peluang kepada setiap anggota agensi dan sektor untuk **lebih saling kenal mengenali di antara satu sama lain** dengan lebih erat lagi dan serta mempermudah sasaran

pencapaian kerja yang ditetapkan seterusnya akan dapat diterjemahkan dalam urusan rasmi tugas harian.

7. Banyak kemudahan untuk sukan dan rekreasi di seluruh negara disediakan oleh Kerajaan amnya dan di MOF ini sendiri yang dengan hasrat kita semua sentiasa hidup dalam keadaan sihat dan cergas. **Kesihatan dan kecergasan adalah suatu yang penting** dan ianya merupakan salah satu faktor untuk melaksanakan tanggungjawab memberikan **perkhidmatan kepada orang awam dan rakyat dengan lebih efisien, inovatif, kreatif dan produktif.**

8. Justeru, saya menyeru semua warga Perbendaharaan untuk **mengamalkan budaya hidup sihat melalui aktiviti – aktiviti kesukanan** dan rekreasi dengan meluangkan sedikit masa pada setiap hari. Badan sihat menjadikan minda yang cergas. **(Kongsikan pengalaman TS menjaga kesihatan dan kecergasan fizikal dan mental)**

Tuan-Tuan / Puan-Puan sekalian,

9. Saya berharap warga Perbendaharaan akan terus **memberi sokongan dan menyertai Pesta Sukan ini kerana ianya melambangkan penyatuan dan kesiapsiagaan setiap warga yang terlibat.** Di samping kita mengejar kejuaraan, penyertaan dalam pesta sukan seperti ini merupakan suatu yang amat membanggakan. **Setiap ahli dalam sektor boleh sentiasa bersiap sedia dengan memilih acara – acara yang dipertandingkan untuk disertai.**

10. Sebentar lagi kita akan menyaksikan pertandingan Kontijen Ceria yang melibatkan empat (4) kontijen. Hadiah yang ditawarkan agak lumayan. Hadiah tempat pertama **RM 1,000.00, kedua RM 500.00 dan ketiga RM 300.00**. Oleh itu, tunjukkanlah semangat berpasukan dan kesukanan kontijen masing-masing.

Tuan-Tuan / Puan-Puan sekalian,

11. Saya juga berharap kecemerlangan penganjuran yang dipamerkan ini bukan lagi dijadikan **benchmark** tetapi akan lebih baik pada tahun-tahun hadapan. Dalam penganjuran pesta sukan seperti ini juga kita perlu ada *Futuristic Thinking*. Setiap kali penganjuran pesta sukan ini pastinya ada usaha inovasi dan penambahbaikan yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti.
12. Akhir kata, sekali lagi **saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kelab Perbendaharaan dan semua ahli jawatankuasa pengelola** yang terlibat di atas kejayaan menganjurkan Pesta ini dengan cemerlang.
13. Saya dengan ini **merasmikan Pesta Sukan Perbendaharaan Kali Ke – 27 Tahun 2017**.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

3 Mei 2017